

Penjara mandatori jika tak patuhi EIA

PUTRAJAYA: Pemaju dan perunding projek pembangunan yang tidak mematuhi laporan penilaian kesan alam sekitar (EIA) akan dikenakan hukuman lebih berat termasuk penjara mandatori apabila Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dipinda tidak lama lagi.

Sehubungan itu, pemaju dan perunding mungkin diwajib menyediakan dan meluluskan sendiri laporan EIA sebelum meneruskan projek.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata pemaju dan perunding akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerosakan alam sekitar hasil pelaksanaan projek mereka.

"Jika projek itu menjejaskan teruk alam sekitar, kedua-dua pemaju dan

perunding mungkin menghadapi tindakan tegas termasuk denda dan hukuman penjara mandatori," katanya selepas lawatan kerja lebih dua jam Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke kementerian itu di sini, semalam.

Pada masa ini, Akta Kualiti Alam 1974 memperuntukkan hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara lima tahun.

Azmi berkata, Perdana Menteri turut mengarahkan kajian terperinci dibuat dalam cadangan pindaan akta itu, terutama yang membabitkan aspek kelemahan sistem pemantauan dan pelaksanaan agensi berkaitan.

"Abdullah juga pada dasarnya bersejua dengan usaha mengupayakan syarikat perunding untuk membuat laporan EIA dan bertanggungjawab

penuh terhadap laporan yang dihasilkan," katanya.

Selain itu, Azmi berkata, kerajaan bercadang mewajibkan pemaju dan perunding membuat laporan EIA bagi semua projek tanpa mengira keluasan serta bertanggungjawab terhadap sebarang kejadian tidak diinginkan.

Katanya, langkah itu dapat menghentikan kecenderungan pelbagai pihak untuk melemparkan tuduhan terhadap Jabatan Alam Sekitar (JAS) setiap kali isu EIA dibangkitkan apabila berlaku bencana alam sekitar.

Isu alam sekitar kembali mendapat perhatian ramai berikutan kejadian tanah runtuh yang mengorbankan empat sekeluarga di Hulu Klang, minggu lalu, sehingga pelbagai pihak

termasuk JAS dipersalahkan.

"Selama ini, semua tuduhan dilemparkan kembali kepada JAS dan pihak berkuasa tempatan yang meluluskan projek, sedangkan tanggungjawab itu sebenarnya terletak pada pemaju atau perunding.

"Sehubungan itu, kita mahu semua pihak termasuk juruaudit dan pengarah syarikat berwaspada dengan cadangan pindaan itu," katanya sambil menjelaskan kini banyak syarikat perunding yang layak mengendalikannya laporan EIA.

Mengenai Pelan Induk Perindustrian (IMP) Ketiga yang akan dilancarkan tidak lama lagi, beliau berkata, Perdana Menteri mahu JAS

LIHAT MUKA 2

'Usah korban alam sekitar'

BH 7/6/06

(Ratu)

DARI MUKA 1

menilai semua pelabur asing yang bercadang menjalankan operasi di Malaysia.

Katanya, langkah itu perlu bagi mengelak Malaysia dijadikan 'tapak pelupusan' bagi industri tertentu yang kini tidak lagi dibenarkan atau digalakkan beroperasi di negara maju.

Beliau berkata, Perdana Menteri menjelaskan ketika ini pun negara berdepan dengan masalah pembuangan sisa toksik dan walaupun tindakan diambil, kerosakan terhadap alam sekitar sudah berlaku.

Azmi berkata, Abdullah juga mengingatkan JAS bahawa negara mahu memastikan ia dapat menarik ke-masukan industri bermutu dan mampu menambah nilai tetapi bukan dengan mengorbankan kepentingan alam sekitar.